

21 NOV 1999

Khalil-Harun

PEMBANGKANG TIDAK YAKIN DENGAN DIRI MEREKA, KATA KHALIL

KUANTAN, 21 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata, keputusan PAS untuk tidak mencalonkan Datuk Dr Harun Din untuk bertanding pada pilihan raya umum ini menunjukkan parti pembangkang itu tidak yakin dengan sokongan rakyat dan persediaannya menghadapi pilihan raya.

"Orang pantai timur kata ini `gong'... dulu cakap besar nak buat itu nak buat ini, tetapi kesudahannya dia tahu dia tak sanggup menggadaikan reputasi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Majlis Perbandaran Kuantan 1999, di sini.

Beliau mengulas langkah PAS mencalonkan anggota Jawatankuasa PAS Pusat Subky Latif untuk menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen Kubang Pasu.

Sebelum ini, Dr Harun hangat diperkatakan sebagai calon pembangkang yang akan melawan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN).

"Kalau mengikut kenyataan-kenyataan yang dibuat, Harun Din yang sepatutnya bertanding kerana dialah yang menyatakan dia nak cabar daripada Perdana Menteri sampailah kepada Menteri Besar Perlis. Tapi ini tak berlaku.

"Saya rasa ini menggambarkan ukuran bahawa tokoh-tokoh PAS semacam ini, dia tak berapa yakin dengan tahap sokongan dan jentera yang boleh membantu mereka," katanya.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata pemimpin-pemimpin sedemikian ingin kekal dengan nama dan reputasi masing-masing dan takut menghadapi pengundian iaitu ukuran setakat mana sokongan sebenar yang diberikan rakyat.

Menyentuh khabar angin yang dikatakan tersebar luas pada hari penamaan calon semalam kononnya beberapa pemimpin pakatan pembangkang menang tanpa bertanding, beliau berkata memang pembangkang suka menabur cerita tidak betul termasuk fitnah.

Ini merupakan antara usaha mereka untuk mengalih perhatian pengundi daripada hakikat bahawa BN berada dalam keadaan yang kuat.

Khalil, turut mengulas keputusan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tidak bertanding kerana dikatakan tidak mahu mengambil risiko pencalonannya ditolak.

"Itulah kalau dia tak bertanding macam mana nak jadi Perdana Menteri. Perdana Menteri mesti berani bertanding... kita tak boleh lantik pm daripada senat," katanya.

Pakatan pembangkang yang menggelar diri mereka sebagai "Barisan Alternatif", menamakan Anwar untuk jawatan Perdana Menteri sekiranya berjaya menumbangkan BN dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini.

Anwar, yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah menyalahgunakan kuasa, kini dibicarakan atas tuduhan melakukan perbuatan liwat.

Khalil juga berkata calon-calon baru BN yang mungkin kurang berpengalaman untuk berkempen dalam masa yang singkat, akan dibantu jentera pilihan raya BN.

-- BERNAMA

MAM PR